

15/09/2003

Tol Cheras jadi tinggalan sejarah

Azidan Nahar

SATU lagi sejarah tol di negara ini dicatatkan apabila Tol Jalan Cheras dekat Taman Midah, Kuala Lumpur, ditutup tepat jam 12 malam tadi.

Pelbagai peristiwa pahit manis dirakam di tol berkenaan bermula pada 15 September 1991.

Tol yang diuruskan Metramac Corporation Sdn Bhd itu adalah tol kedua yang ditamatkan konsesinya selepas kutipan tol Jalan Kuching yang dihentikan pada 8 Januari lalu selepas tamat tempoh konsesi Kamunting Corporation Berhad (KCB) selama 16 tahun bermula 8 Januari 1987.

Tol Jalan Cheras yang mendapat bantahan hebat penduduk itu juga pernah mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selain dijadikan isu oleh parti politik yang cuba mencari pengaruh untuk memenangi hati penduduk kawasan berkenaan.

Bantahan penduduk Cheras terhadap kutipan tol itu bermula setahun sebelum tol itu dibuka kerana mereka tidak senang dengan bayaran yang dikatakan terlalu tinggi sehingga mengadakan demonstrasi.

Bagaimanapun selepas itu mereka beralih kepada tuntutan baru dengan mengutip tanda tangan untuk mendapatkan kemudahan percuma dengan sebuah badan yang dinamakan jawatankuasa pengecualian tol Cheras mengedarkan 20,000 borang kaji selidik bagi menyokong tuntutan itu.

Walaupun tidak mendapat sokongan seperti diharapkan, jawatankuasa itu yang mengambil Ahli Parlimen Sungai Besi, Tan Kok Wai, sebagai penasihatnya menyerahkan memorandum keputusan kaji selidik itu kepada Perdana Menteri.

Perdana Menteri pada September 1991 mengarahkan Pejabat Peguam Negara mengkaji semula implikasi mengenakan pembayaran tol ke atas pengguna lebuh raya di seluruh negara.

Dr Mahathir berkata, kajian itu bagaimanapun tidak bermakna kerajaan akan menghapuskan tol.

"Saya tidak nampak mengapa tol harus dihapuskan, termasuk tol di Cheras, kecuali ada pihak yang mahu membayarnya, mungkin boleh (dibina lebuh raya).

"Walaupun lebuh raya dalam kawasan bandar raya, tol tetap dikenakan. Saya tidak nampak mengapa orang lain boleh bayar dan orang yang tinggal dalam bandar raya tidak boleh bayar," katanya.

Kerajaan ketika itu mengumumkan kutipan tol di Jalan Cheras mulai 15 September 1991 dengan pengurangan kadar di antara 50 dan 75 peratus, iaitu selepas dihentikan tahun sebelumnya dan kutipan tol yang dihentikan sejak 12 September 1990 diperkenalkan semula dengan kadar yang kurang selepas rundingan antara kerajaan dan syarikat konsesi, Metramac.

Pada 12 September 1991, Jawatankuasa Antitol Penduduk Cheras memberi jaminan tidak akan membantah lagi mengenai kutipan tol terbabit kepada polis apabila kutipan tol di Cheras disambung semula ketika pertemuan jawatankuasa itu dengan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Henry Chin dua hari sebelum itu.

Bantahan penduduk itu juga menjadi isu kepada pihak pembangkang pada Pilihan raya umum 1999 apabila desakan pembatalan tol itu ditimbulkan parti DAP.

Calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Tan Chai Ho pada 21 November 1999 sebaliknya menganggap ia tidak lagi menjadi isu kerana ia janji pilihan raya umum 1990.

Beliau mengakui membuat janji itu pada 1990 untuk meletakkan jawatan sebagai wakil rakyat kawasan Parlimen Sungai Besi yang ditandinginya ketika itu, jika gagal meminta kerajaan membatalkan tol di Taman Midah, Jalan Cheras.

Bagaimanapun, Tan berkata pada pilihan raya itu beliau tewas kepada

calon DAP, Tan Kok Wai.

"Kalau masa itu saya dipilih sebagai wakil rakyat dan tidak menyelesaikannya, memanglah ia jadi isu sekarang dan boleh dipertikaikan," katanya.

Pada 7 April lalu, kerajaan tidak bercadang meneruskan kutipan tol di Jalan Cheras dan Jalan Pahang di Kuala Lumpur apabila tempoh konsesi bagi kedua-duanya tamat.

Kini selepas 13 tahun, mereka yang pernah terbabit dalam isu itu mengembalikan semula nostalgia lama MCA dan DAP misalnya memulakan kempen menghitung tarikh tamat kutipan tol di Kilometer 8, Jalan Cheras bersempena kempen baki 100 hari.

Timbalan Ketua Pemuda MCA Cheras, Lee Boon Kok, berkata langkah itu diambil bagi memberitahu rakyat yang kerajaan amat prihatin dengan setiap tuntutan mereka.

Sementara itu, DAP yang juga membantah kutipan tol Jalan Cheras turut memulakan kempen menghitung hari sehingga penamatan kutipan tol.

Pelbagai idea juga dilontarkan pemimpin parti politik di kawasan itu seperti, Lee Boon Kok yang mengadakan kempen dengan berdiri bersama papan tanda di tepi jalan berkenaan 10 hari sebelum tol itu ditutup.

Beliau yang juga Ketua Biro Pengaduan Awam MCA Wilayah Persekutuan berdiri selama dua jam setiap hari bermula jam 8 pagi di tepi jalan raya itu sejak 6 September lalu bagi menyatakan sokongan dan memaklumkan orang ramai mengenai penutupan tol terbabit.

Lee berkata, beliau berbuat demikian kerana berpendapat cara itu lebih berkesan berbanding cara lain untuk menyedarkan masyarakat kerajaan prihatin terhadap setiap tuntutan rakyat.

Tindakan Lee itu mendapat reaksi berbeza pengguna jalan raya itu kerana ada yang menganggap ia sesuatu yang baik bagi memberitahu pengguna tetapi tidak kurang juga yang menganggap langkah itu sesuatu yang bodoh kerana sudah pasti kerajaan akan menutup tol itu seperti yang dirancang tanpa perlu Lee berdiri di situ tidak kira panas atau hujan.

Kini tol berkenaan sudah menjadi sejarah dan biarlah ia menjadi kenangan semua.